



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

15 Apr 2021
3 Ramadhan 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Padah langgar syarat tangkap ikan
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Terlebih jarak, sebuah bot ditahan
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			22	15/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

Padah langgar syarat tangkap ikan



BOT tunda yang ditahan kerana menangkap ikan pada jarak 9.8 batu nautika daripada pantai Pulau Tioman.

Jobor Bahru: Sebuah bot tunda tempatan termasuk lima krunya ditahan kerana menangkap ikan pada jarak 9.8 batu nautika daripada pantai Pulau Tioman di Mersing, kelmarin.

Pengarah Perikanan Negeri Johor Noraishah Hashim berkata, kru itu memabitkan dua warga tempatan dan tiga warga Indonesia.

“Penahanan dibuat hasil rondaan rutin dijalankan di perairan Johor Timur oleh Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor.

“Selain kapal dan peralatan menangkap ikan, kami turut menyita hasil laut seperti sotong dan tenggiri,” katanya.

Kes disiasat mengikut



Penahanan dibuat hasil rondaan rutin dijalankan di perairan Johor Timur oleh Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor”

Noraishah

Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

Noraishah mengingatkan nelayan supaya sentiasa mematuhi syarat lesen bagi memastikan sumber perikanan negara tidak terjejas.



HASIL laut yang disita.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			18	15/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

Terlebih jarak, sebuah bot ditahan

MERSING - Sebuah bot penangkapan ikan zon C tempatan ditahan ketika sedang menunda hasil laut pada jarak yang tidak dibenarkan di Pulau Tioman kelmarin.

Pengarah Perikanan Negeri Johor, Noraishah Hashim berkata, tangkapan itu dilakukan ketika rondaan rutin pemantauan vesel pantai timur yang dilakukan oleh Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati vesel berkenaan

mempunyai lima orang kru melibatkan dua orang tempatan dan tiga orang warganegara Indonesia berusia 21 hingga 57 tahun.

"Vesel tersebut ditahan ketika menjalankan aktiviti menangkap ikan (menunda) pada jarak sekitar 9.8 batu nautika daripada Pantai Pulau Tioman sekali gus telah melakukan kesalahan kerana bagi vesel zon C tidak dibenarkan menangkap ikan kurang 12 batu nautika daripada pantai.

"Terdapat hasil tangkapan bernilai tinggi seperti sotong,

ikan barat-barat dan ikan tenggiri turut disita. Vesel tersebut juga telah ditahan dan peralatan menangkap ikan akan disiasat di bawah Seksyen 8(b), Akta Perikanan 1985," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, Jabatan Perikanan Negeri Johor ingin menasihatkan nelayan agar sentiasa mematuhi syarat lesen agar tidak menjejaskan sumber perikanan negara.

"Jika disabit kesalahan, pemilik vesel boleh dikompam serta peralatan menangkap ikan juga akan dirampas," jelasnya.



VESEL yang ditahan ketika sedang menunda ikan pada jarak yang tidak dibenarkan di Pulau Tioman kelmarin.